



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 17 TAHUN 2005

PINDAAN FORMULA GAJI HARIAN, IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM, BAYARAN LEBIH MASA DAN CUTI REHAT BERGAJI PENUH BAGI PEGAWAI SAMBILAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk meminda formula Gaji Harian, Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Bayaran Lebih Masa dan Cuti Rehat Bergaji Penuh bagi Pegawai Sambilan berikutan pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu.

LATAR BELAKANG

2. Pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2005 adalah dengan menggantikan masa bekerja pada hari Sabtu kepada hari bekerja yang lain. Pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu ini memberi kesan kepada pengiraan hari bekerja Pegawai Sambilan. Walaupun Pegawai Sambilan juga telah menggantikan masa bekerja bagi hari Sabtu tetapi mereka tidak dibayar gaji atau bayaran Lebih Masa bagi masa yang digantikan tersebut. Sehubungan dengan itu,

formula pengiraan Gaji Harian, Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Bayaran Lebih Masa dan Cuti Rehat Bergaji Penuh bagi Pegawai Sambilan perlu dipinda.

PELAKSANAAN

3. Peruntukan 25 hari dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2000 adalah dipinda kepada 23 hari.

4. Pindaan formula pengiraan yang terlibat adalah seperti berikut:

a. Gaji Harian

$$\frac{\text{Gaji Permulaan Sebulan Mengikut Skim Perkhidmatan Pegawai Dilantik}}{23 \text{ hari bekerja}} = \text{Kadar Gaji Harian}$$

b. Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)

$$\frac{\text{Kadar ITKA Mengikut Gred Pegawai}}{23 \text{ hari bekerja}} = \text{Kadar ITKA Sehari}$$

c. Bayaran Lebih Masa

$$\frac{\text{Gaji Harian} \times 23 \text{ Hari Bekerja} \times 12 \text{ Bulan}}{313 \text{ hari bekerja} \times 8 \text{ jam}} = \text{Kadar Bayaran Sejam}$$

d. Cuti Rehat Bergaji Penuh

Pegawai Sambilan layak diberi satu hari Cuti Rehat bergaji penuh bagi setiap kali genap 23 hari bekerja tetapi tidak melebihi 7 hari Cuti Rehat

dalam satu tahun kalendar. Baki Cuti Rehat yang tidak diambil tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya.


TARIKH KUAT KUASA

5. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2005.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' ISMAIL BIN ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

1 Julai 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan